

157733

4000009051



HADIAH

**PERSEPSI GURU-GURU NOVIS SEKOLAH
MENENGAH DI DAERAH PAPAR TERHADAP
PROFESIONALISME KEGURUAN**

ABDUL WAHAB AMP. HAMZAH



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2006

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @

JUDUL : Persepsi Guru-Guru Novis Sekolah Menengah Di Daerah Papar Terhadap Profesionalisme Keguruan

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : 2003 – 2005

Saya ABDUL WAHAB AMP. HAMZAH mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaraan antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD.

Disahan oleh

(Penulis: ABDUL WAHAB AMP. HAMZAH)

Alamat Tetap:

1, Jal
608

Tarikh: 10 Julai 2006

ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(YM RAJA ISMAIL RAJA LOPE AHMAD)

Tarikh: 07/06

CATATAN: @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satu telah saya nyatakan sumbernya

ABDUL WAHAB BIN AMP. HAMZAH
PS03-006(K)-164
10 JULAI 2006



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Pengasihani, Segala Puji-pujian bagi Allah Tuhan Sekalian Alam. Selawat dan Salam ke atas Rasul Terakhir-Nya. Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberikan kekuatan dan kesihatan untuk saya menyiapkan disertasi ini untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan kursus bagi memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia disertasi saya iaitu Yang Mulia Raja Ismail Raja Lope Ahmad yang sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang penulisan disertasi dijalankan. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Dekan, Timbalan-Timbalan Dekan dan semua pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial serta Dekan Pasca Siswazah yang telah memberi tunjuk ajar sepanjang saya mengikuti kursus ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Sabah, Pejabat Pelajaran Daerah Papar dan Semua Sekolah Menengah Daerah Papar kerana memberi kebenaran dan kepercayaan kepada saya untuk menjalankan kajian.

Akhir sekali, kepada isteri saya Hajah Dayangku Masgaloh bt Hj Pg Dahlan, dan anak-anak yang dikasihi Muhammad Wazien Afifi, Muhammad Izzat Aliuddin dan Nur Izzatul Afifah yang sentiasa merindui dan mengharapkan kejayaan dan menjaga kesihatan saya serta adik sepupu Rahimah bt Alijang yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan untuk menyiapkan disertasi ini.

ABSTRAK

PERSEPSI GURU-GURU NOVIS SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH PAPAR TERHADAP PROFESIONALISME KEGURUAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji sejauh mana hubungan di antara persepsi guru novis sekolah menengah terhadap prestasi kerja, perubahan tingkah laku, perubahan sikap dan personaliti. Objektif utamanya ialah untuk mengenal pasti perkaitan persepsi guru novis berasaskan ciri-ciri demografi ke atas empat dimensi tersebut. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang responden guru novis dari tujuh buah sekolah menengah di daerah Papar, Sabah. Strategi persampelan yang digunakan ialah rawak mudah. Ujian-ujian untuk penganalisan data ialah frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai, Ujian – t dan ANOVA satu hala. Bagi semua ujian statistik di atas, darjah signifikan adalah ditetapkan pada aras keertian $p < 0.05$. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ciri-ciri demografi mempunyai kaitan rapat dengan persepsi guru novis terhadap profesionalisme keguruan mereka. Kesimpulan kajian ialah hipotesis nul gagal ditolak, maka tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru novis terhadap profesionalisme keguruan berasaskan ciri demografi, iaitu umur, jantina, kelulusan akademik dan kelulusan ikhtisas.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

SECONDARY SCHOOL NOVICE TEACHERS' PERCEPTION AT PAPAR DISTRICT TOWARDS TEACHING PROFESSIONALISM

The purpose of this study is to look into how far the relationship between the secondary school novice teachers' perception towards job performance, attitude, behavior and personality changing. The main objective of the study is to identify the relationship of novice teachers' perception based on demography to the above four dimensions. The sample of the finding involves 30 respondents of novice teachers from seven secondary schools in Papar District. Random sampling is used as sampling strategy. The tests for the data analysis are based on frequency, percentage, mean, standard deviation, t-test and one way ANOVA. The degree of the significant level is at $p < 0.05$ of all the above statistic tests. The result of this study shows that the demography factors have close relationship between novice teachers' perception and their teaching professionalism. In conclusion, all the null hypotheses failed to decline, therefore, there is no difference of significant between novice teachers' perception towards teaching professionalism based on demography, such as, age, sex, academic and professional qualifications.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of variance</i>
BPPDP	Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
ERT	Ekonomi Rumah Tangga
GST	Guru Sandaran Terlatih
JPU	Jadual Penentu Ujian
KDP	Kursus Diploma Perguruan
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
PJJ	Pengajian Jarak Jauh
PPPS	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah
PPPBS	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah
ROS	Rancangan Orientasi Sekolah
SPSS	<i>Statistics package for the social science</i>
SSB	Sistem Saraan Baru
SSM	Sisitem Saraan Malaysia



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
<i>Abstract</i>	v
Senarai Singkatan	vi
Kandungan	vii
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
1	PENGENALAN	1
	1.1 Latar belakang	1
	1.2 Pernyataan Masalah	4
	1.3 Persoalan Kajian	5
	1.4 Tujuan Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	6
	1.6 Hipotesis Kajian	6
	1.7 Definisi Operasional	7
	1.8 Batasan Kajian	12
	1.9 Kepentingan Kajian	13
	1.10 Kesimpulan	14
2	SOROTAN LITERATUR	15
	2.1 Pengenalan	15
	2.2 Teori-teori Berkaitan Kajian	15
	2.3 Kerangka Teori	17
	2.4 Kerangka Kosep Koseptual Kajian	21
	2.4 Kesimpulan	44
3	METODOLOGI KAJIAN	46
	3.1 Pengenalan	46
	3.2 Metodologi Kajian	46
	3.3 Populasi dan Sampel	47
	3.4 Instrumen Kajian	48
	3.5 Kajian Rintis	49

3.6	Prosedur Pengumpulan Data	50
3.7	Penganalisaan Data	51
3.8	Kesimpulan	52
4	DAPATAN KAJIAN	54
4.1	Pengenalan	54
4.2	Ciri-Ciri Demografi Responden	54
4.3	Analisis Dimensi Persepsi Guru Novis Terhadap Profesionalisme Keguruan	60
4.4	Perkaitan Antara Persepsi Guru Novis Dengan Perubahan Prestasi Kerja	69
4.5	Perkaitan Antara Persepsi Guru Novis Dengan Perubahan Tingkahlaku	72
4.6	Perkaitan Antara Persepsi Guru Novis Dengan Perubahan Sikap	73
4.7	Perkaitan Antara Persepsi Guru Novis Dengan Personaliti	74
4.8	Kesimpulan	77
5	PERBICANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	78
5.1	Pengenalan	78
5.2	Ringkasan Kajian	78
5.3	Dapatan dan Perbincangan	80
5.4	Cadangan Kepada Pihak Pengurusan Sekolah	81
5.5	Cadangan Kajian Lanjut	83
5.6	Penutup	84
BIBLIOGRAFI		85
LAMPIRAN A	Borang Soal Selidik Untuk Guru-Guru Novis (GST)	
LAMPIRAN B	Surat Kebenaran Mengedar Soal Selidik Kajian	
LAMPIRAN C	Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Dari KPM	
LAMPIRAN D	Kajian Rintis: Kebolehpercayaan Soal Selidik	

SENARAI JADUAL

JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
3.3.1	Bilangan Responden Mengikut Sekolah	48
3.5.1	Bacaan Nilai Cranbach Alpha Masalah Guru Novis	50
3.6.1	Peringkat Pelaksanaan Kajian	51
3.7.1	Persoalan Kajian Dan Kaedah Kajian	52
4.2.1.1	Taburan Responden Berasaskan Umur	55
4.2.2.1	Taburan Responden Berasaskan Jantina	55
4.2.3.1	Taburan Responden Berasaskan Bangsa	55
4.2.4.1	Taburan Berasaskan Kelulusan Akademik	57
4.2.5.1	Taburan Berasaskan Kelulusan Ikhtisas	58
4.2.6.1	Taburan Berasaskan Lokasi Responden	58
4.2.7.1	Min Dan Sisihan Piawai Ciri Demografi Guru Novis	59
4.3.1.1	Min Dan Sisihan Piawai Maklumat Tentang Sukantan Pelajaran	61
4.3.2.1	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Sumber	62
4.3.3.1	Min Dan Sisihan Piawai Bagi PersediaanPrapengajaran	63
4.3.4.1	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Pengajaran Di Kelas/Makmal	64
4.3.5.1	Min Dan Sisihan Piawai Pengurusan Dan Pengawalan Kelas	65
4.3.6.1	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Pengujian Dan Penilaian	66
4.4.7.1	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Hubungan Interpersonal	66
4.3.8.1	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Dimensi Polisi Sekolah, Pentadbir Dan Perkhidmatan	68
4.3.9.1	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Ko-Kurikulum	68
4.3.10.1	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Lain-Lain Masalah	69
4.4.1	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran	70
4.4.2	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Aras Keyakinan Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran	71
4.5.1	Ujian-t Bagi Dimensi Maklumat Tentang Sukatan Pelajaran	72
4.6.1	Ujian-t Bagi Dimensi Sumber	74
4.7.1	Ujian-t Bagi Dimensi Hubungan Interpersonal	75
4.7.2	Analisa Varian Satu Hala Bagi Persepsi Guru Novis Dengan Perubahan Personaliti	76

SENARAI RAJAH

RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
2.3.1	Kerangka Teori (Model Sosialisasi Dari Pretasi Baru Heck, R. & Wolcott, LP., 1997)	19
2.4.1	Kerangka Koseptual Sosialisasi Guru Novis (GST) (Diadaptasi Dari Model Heck, R. & Wolcott, LP., 1997)	27
2.4.2	Kerangka Konseptual Kajian	37
2.4.3	Aspek Perkembangan Profesionalisme Keguruan (Abdul Rahim Abd. Rashid, 1999)	38
2.4.4	Peranan Guru Dalam Bilik Darjah (Abdul Rahim Abd. Rashid, 1999)	43
2.4.5	Dimensi Tugas Dan Tanggjawab Pengurusan Bilik Darjah (Abdul Rahim Abd. Rashid, 1999)	44



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar belakang.

Kualiti dan profesionalisme tenaga kerja merupakan modal insan yang sangat penting dalam sektor pendidikan ke arah menyumbang produktiviti negara kita yang cemerlang. Setiap tahun negara kita membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk sektor pendidikan bagi meningkatkan kemahiran, pengetahuan ikhtisas kepada guru-guru dan bakal-bakal guru di institusi-institusi pendidikan serta maktab perguruan di dalam dan luar negara. Walau bagaimana pun, jumlah peruntukan kewangan dan perbelanjaan yang banyak diberikan dalam sektor pendidikan tidaklah menjamin akauntabiliti yang menguntungkan jika pembentukan profesionalisme dan proses sosialisasi guru dan bakal guru tidak ditingkatkan dan diselenggara dengan baik. Guru sebagai tonggak utama penggerak sistem pendidikan bagi menjayakan semua perancangan yang diperlukan dalam perkembangan profesionalisme itu sendiri. Zaidatul Akmaliah Lope Pihie (2000) dalam bukunya Pentadbiran Pendidikan menegaskan bahawa sistem pendidikan memerlukan tenaga kerja untuk menggerak keseluruhan aktiviti yang dirancang dan dibentuk bagi menyumbang ke arah keberkesanan dan kecekapan pengajaran para pendidik.

Semangat, dedikasi guru dan kesedaran mereka dalam membimbing para pelajar ke arah kejayaan adalah satu faktor penting bagi mencorak motivasi belajar di bilik darjah. Abd. Rahim Abd. Rashid (1999), menyatakan bahawa

kecekapan dan kemahiran guru menyediakan persekitaran yang mendorong perubahan dan kejayaan para pelajar merupakan kualiti profesionalisme yang meletakkan imej guru sebagai pendidik yang berwibawa. Selaras dengan kenyataan yang terdapat pada buku Panduan Tugas Staf Sekolah yang disusun oleh Persatuan Kebangsaan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah Malaysia Cawangan Selangor dalam tatasusila profesion Keguruan Malaysia, bahawa melalui pendidikan, masyarakat dapat membantu anak mudanya memahami kebudayaan mereka, memperoleh pengetahuan yang telah terkumpul sejak zaman berzaman, dan menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Seterusnya beliau juga menegaskan bahawa prestasi profesionalisme guru boleh dikaji dari perspektif yang luas dan secara khusus boleh ditumpukan kepada beberapa aspek penting yang memfokuskan kepada ciri-ciri keunggulan dan kewibawaan seseorang guru. Aspek alat ukur penilaian tersebut seperti inisiatif atau daya usaha guru, dedikasi kepada tugas, kerjasama, kepimpinan, kepakaran, integriti, keaktifan, perancangan, dan pengurusan masa.

Ee Ah Meng (2000) pula menyatakan bahawa konsep kemahiran profesionalisme keguruan adalah penting untuk meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Di mana seseorang guru perlu memperoleh beberapa kemahiran seperti belajar, berfikir, merancangan, penyediaan bahan mengajar, mengurus, menilai, membuat kajian, berkomunikasi dan sebagainya.

Mak Soon Sang (2002) mengatakan bahawa program latihan guru sejak dari tempoh Razak (1955-1959), Rahman Talib (1960-1965), Aminuddin (1965-1970), tempoh sains dan matematik (1971-1981), tempoh reformasi (1982-1996) dan tempoh Diploma Perguruan serta kursus-kursus perguruan lepasan

ijazah (KPLI) dan diploma perguruan (KDP) sering diperlihatkan berubah dari masa ke semasa di Negara kita kerana tuntutan-tuntutan semasa dan keperluan guna tenaga sumber manusia untuk pembangunan negara secara keseluruhan. Fakta sejarah ini juga turut diakui oleh Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som (2001) dalam buku mereka *Isu Pendidikan, Sorotan dan Cabaran*. Mereka berpendapat bahawa latihan guru sebelum merdeka dan selepas merdeka adalah memenuhi tuntutan semasa agenda pendidikan dan melahirkan sumber tenaga manusia yang berkualiti untuk keperluan negara. Kurikulum latihan perguruan akan sentiasa berubah bagi memastikan guru-guru berupaya mendidik pelajar supaya mereka menjadi rakyat yang berakhlak mulia serta sanggup memberi sumbangan kepada kemajuan, perkembangan dan pembangunan negara.

Wawasan 2020, Wawasan Pendidikan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah satu gabungan indoktrinasi dan teras perancangan serta aktiviti perdana negara yang terarah mereformasi rakyat Malaysia yang maju dalam semua aspek dan dimensi ekonomi, politik, sosial dan pendidikan pendidikan, kerohanian, psikologi, dan budaya. Ini bermakna, menjelang tahun 2020, Malaysia menjadi sebuah negara yang maju dan bersatu padu, dengan masyarakat Malaysia mempunyai keyakinan diri, ditunjangi oleh nilai-nilai moral dan etika yang utuh, menikmati kehidupan dalam sebuah masyarakat yang demokratis, liberal, progresif dan makmur, dan sepenuhnya menguasai ekonomi yang mampu bersaing, dinamis, tangkas serta mempunyai daya ketahanan. Justru itu, kualiti cemerlang profesionalisme dan peradaban sosialisme guru dalam organisasi iaitu sekolah adalah salah satu agen model insan yang menjadi tonggak utama merealisasikan wawasan tersebut.

1.2 Pernyataan Masalah

Sekolah merupakan organisasi atau institusi yang menyediakan peluang pekerjaan, sama ada guru yang terlatih atau sandaran terlatih. Ada kalanya sekolah akan menerima guru sandaran yang tidak terlatih atau guru ganti sementara sekiranya sekolah tidak memperolehi bekalan guru yang mencukupi untuk membantu melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Harapan utama pihak sekolah, khususnya di sekolah menengah, adalah untuk mendapatkan bekalan tenaga pengajar dari golongan guru sandaran terlatih atas sebab mereka ini modal insan yang telah menerima pengetahuan dan kemahiran yang baru yang berkaitan dengan sekolah dan pelajar di bilik darjah dari institusi pendidikan dan maktab perguruan.

Guru permulaan terdiri daripada mereka yang telah terdedah kepada ilmu baru, idea baru dan menerima banyak pengetahuan teoritikal yang baru, dan latihan dan kemahiran yang terkini serta moden daripada institusi perguruan dan institusi pengajian tinggi. Mereka ini mempunyai latar belakang yang berbeza. Persepsi pengetahuan mereka terhadap profesion guru dan proses sosialisasi di tempat bekerja mungkin akan mempengaruhi dan mereka akan menghadapi kejutan realiti pengaruh sosialisasi organisasi dan sosialisasi profesional dalam kerjaya baru mereka apabila mereka menerima teguran, nasihat atau kritikan berkaitan dengan sekolah khususnya dari pentadbir sekolah, guru-guru, pelajar, ibubapa serta warga sekolah. Menurut Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid (2003) *'If a person acquires a degree in teaching reading but does not apply the specialized knowledge than of course the person is not remunerated for the job. The knowledge that is acquired must be actively used, otherwise there*

is displacement of the principle of fair payment of the specialized services provided.'

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang ingin dikemukakan ialah seperti berikut:

- 1.3.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru novis di sekolah menengah terhadap prestasi kerja berasaskan umur?
- 1.3.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru novis di sekolah menengah terhadap perubahan tingkah laku berasaskan jantina?
- 1.3.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru novis di sekolah menengah terhadap perubahan sikap berasaskan kelulusan akademik?
- 1.3.4 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru novis di sekolah menengah terhadap personaliti berasaskan kelulusan ikhtisas?

1.4 Tujuan Kajian

Penyelidik melakukan kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana persepsi guru novis sekolah menengah terhadap profesionalisme keguruan boleh mempengaruhi beberapa perubahan yang dialami sendiri oleh mereka. Perubahan-perubahan tersebut menjadi punca ketidakberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran, di samping tugas-tugas lain yang perlu ditanggung oleh guru novis tersebut di sekolah.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini akan mengenal pasti empat perkara yang berkaitan dengan tajuk iaitu:

- 1.5.1 Mengetahui sama ada wujudnya kaitan antara persepsi guru novis terhadap prestasi kerja dengan umur mereka,
- 1.5.2 Mengetahui sama ada wujudnya kaitan antara persepsi guru novis terhadap perubahan tingkah laku dengan jantina mereka,
- 1.5.3 Mengetahui sama ada wujudnya kaitan antara persepsi guru novis terhadap perubahan sikap dengan kelulusan akademik mereka, dan
- 1.5.4 Mengetahui sama ada wujudnya kaitan antara persepsi guru novis terhadap personaliti dengan kelulusan ikhtisas mereka.

1.6 Hipotesis Kajian

Beberapa hipotesis telah dibentuk supaya kajian ini akan menjadi lebih berkesan dan mencapai matlamatnya supaya memuaskan semua pihak termasuklah para pembaca.

Hipotesis-hipotesis tersebut adalah seperti berikut:

- H_{o1} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru novis terhadap prestasi kerja dengan umur mereka.
- H_{o2} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru novis terhadap perubahan tingkah laku dengan jantina mereka.
- H_{o3} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru novis terhadap perubahan sikap dengan kelulusan akademik mereka.
- H_{o4} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi guru novis terhadap personaliti dengan kelulusan ikhtisas mereka.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Persepsi

Menurut Kamus Dewan edisi ke-tiga (2002), persepsi bermaksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran, pandangan, tanggapan, termasuklah berkaitan dengan kekuatan imaginasi dan kepekaan terhadap peristiwa atau perkara tertentu.

1.7.2 Profesionalisme

Menurut Kamus *Oxford Advanced Learner's* (2001), profesionalisme bermaksud satu kedudukan paling tinggi yang kita anggap sebagai seseorang itu telah mengikuti latihan kemahiran dan kebolehan tertentu untuk memperolehi bidang kerjaya tertentu. Manakala, Kamus Dwibahasa Oxford yang ditulis oleh Joyce M. Hawkins (2001) profesionalisme bermaksud kemahiran seseorang diperolehi dengan cara profesional atau ikhtisas, budaya atau pegangan. Perkataan profesional bermaksud berkenaan sesuatu profesion atau pekerjaan ikhtisas, menunjukkan kemahiran seseorang yang terlatih, melakukan pekerjaan tertentu untuk mendapatkan wang bukan untuk memenuhi masa lapang. Dengan kata lain, profesion ialah jenis pekerjaan yang dipilih dan diperolehi oleh seseorang individu tersebut. Profesionalisme juga bermaksud kerjaya yang dilakukan oleh seseorang individu tersebut.

Menurut *Canada's National Police* (1998), "*Professionalism is reflected in the attitude and abilities displayed in dealing with employees, clients and communities. Professionalism is a value that is intertwined with every other value.*"

A professional also has great knowledge of resources available and is educated in the field in which he or she is working. Professionalism also involves access to ongoing training, to leading edge technology and to sufficient resources to meet the needs of the communities. A professional is knowledgeable about how people fit in to the organization and what they represent."

Menurut *Wikipedia, the free encyclopwdia* (2006), *"A profession is an occupation that requires extensive training and the study and mastery of specialized knowledge, and usually has a professional association, ethical code and process of certification or licensing. Examples are accounting, law, medicine, finance, the military, the clergy and engineering."*

1.7.3 Sosialisasi

Menurut Kamus Dwibahasa Oxford yang ditulis oleh Joyce M. Hawkins (2001), sosialisme bermaksud salah satu sumber manusia yang terdapat dalam teori politikal dan ekonomik. Selain daripada itu, sosialisme adalah berhubung kait dengan penyelenggaraan sesuatu komuniti atau industri yang berkait langsung.

Menurut *Oxford Advanced Learner's Dictionary* (2001), sosialisasi bermakna proses di mana seseorang mempelajari sesuatu tingkah laku yang berterusan oleh masyarakat. Manakala, *The New Lexican Webster's Dictionary Of The English Language* (1989) sosialisasi bermaksud proses seseorang membawa dan menyerahkan dirinya kepada kepunyaan masyarakat. Ini menunjukkan seseorang itu bekerja untuk kepentingan bersama.

Menurut Ahmad Shukri Mohd Nain (2002), sosialisasi ialah proses pembelajaran sosial yang berterusan untuk membekalkan pengetahuan dan

kemahiran hidup yang mencukupi bagi seseorang individu. Melalui proses sosialisasi manusia dididik dengan satu set nilai dan norma hidup yang tertentu bergantung kepada apa yang dimiliki oleh keluarga dan masyarakatnya.

Menurut *The Family* (1992), "*Socialisation is the term used for the process by which individuals learn and perform behaviour expected of them by society. In order to survive and work together, people have to agree on certain common values, and conduct themselves accordingly. They learn most of this from other people. As people interact with each other, all involved are affected and in varying degrees change their attitudes and behaviour accordingly. Habits, ideas, attitudes, and values are developed through this socialisation process.*"

Menurut *Wikipedia, the free encyclopedia* (2006), "*Socialization is the process by which human beings or animals learn to adopt the behavior patterns of the community in which they live. For both humans and animals, this is typically thought to occur during the early stages of life, during which individuals develop the skills and knowledge necessary to function within their culture and environment. However, this also includes adult individuals moving into an environment significantly different from one(s) in which they have previously lived and must thus learn a new set of behaviors.*"

1.7.4 **Guru**

Menurut Alpha Sigma (2003) *Buku Panduan Tugas Staf Sekolah Menengah*, guru dimaksudkan dalam konteks tatasusila profesion keguruan ialah orang yang menyebarkan ilmu pengetahuan di sesebuah institusi pendidikan peringkat

rendah, menengah, dan tinggi termasuk guru terlatih yang bertugas dalam pentadbiran organisasi dan penyeliaan pendidikan.

Menurut Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (2003) Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-Peraturan Terpilih mentafsirkan guru ertinya seseorang yang; a) mengajar murid di sesuatu institusi pendidikan, atau b) menyediakan atau mengeluarkan bahan pelajaran atau memeriksa jawapan yang dikembalikan di, bagi atau melalui pusat pendidikan jarak jauh dan termasuklah guru besar atau pengetua

Guru ialah seorang tenaga pengajar yang mendidik sebilangan pelajar di institusi sekolah sama ada di sekolah rendah, sekolah menengah mahu pun di mana sahaja proses penyampaian ilmu pengetahuan dilaksanakan secara formal dan bersistematik. Guru merupakan golongan yang telah diberikan peranan penting dalam mendidik, membimbing serta mengasuh pelajar atau anak-anak didik, tanpa mengira agama, kaum, atau pun bangsa keturunan. Lazimnya sebelum seseorang itu dinobatkan sebagai guru, seseorang itu seharusnya mengikuti latihan ikhtisas di institusi perguruan atau di institusi pengajian tinggi yang menawarkan pengajian pendidikan yang diiktiraf.

1.7.5 **Keguruan**

Menurut Kamus Dewan edisi ke-tiga (2002), keguruan bermaksud sesuatu yang berkaitan dengan guru atau berkaitan dengan peranan, tugas atau kelayakan sebagai guru.

1.7.6 Guru Novis (*Novice*)

Novice, menurut Google, sebagai "*at first stage of development, just familiar with rudiments or skills or routine, a beginning bodybuilder, a beginning reader, a novice cook.*"

Menurut Hornby A. S. (2001) Oxford *Advanced Learner's Dictionary of Current English* ialah "*novice is a person who is new and has little experience in a skill, job or situation*". Guru novis merupakan guru yang baru menamatkan pengajiannya, sama ada di maktab perguruan atau pun di universiti di dalam atau luar Negara. Guru novis juga boleh didefinisikan sebagai individu yang telah menerima tawaran untuk jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) atau pun Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) dan ditempatkan di sekolah-sekolah menengah atau sekolah rendah dan belum menerima pengesahan jawatan sama ada tetap atau berpencen. Tempoh pengesahan jawatan guru novis biasanya satu hingga tiga tahun. Ada kalanya 'guru novis' ini juga dikenali sebagai guru sandaran terlatih (GST) setelah menamatkan pengajian mereka.

Novice Teacher Mentoring Guidelines mendefinisikan sebagai, "*a novice or induction teacher as a teacher having less than one year of public school or accredited or private school classroom teaching experience, not including student teaching internships or other pre-service classroom experiences.*"

1.7.7 Sekolah Menengah

Menurut Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (2003) Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-Peraturan Terpilih mentafsirkan sekolah menengah

ertinya sekolah yang menyediakan pendidikan menengah yang sesuai bagi murid yang baru sahaja tamat mengikuti pendidikan rendah.

Sekolah menengah ialah sebuah institusi pendidikan yang menyediakan pelbagai program untuk para pelajar dari kelas Peralihan atau Tingkatan Satu sehinggalah ke Tingkatan Enam atau Tingkatan Lima. Sekolah menengah juga merupakan salah sebuah tempat berlakunya interaksi ilmu yang amat penting diperoleh oleh pelbagai golongan manusia. Sekolah menengah boleh kita anggap sebagai tempat gedung ilmu bagi generasi anak muda mencari ilmu pengetahuan dalam usia antara 13 tahun hingga 19 tahun.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada guru novis atau guru sandaran terlatih (GST) yang mengajar di tujuh buah sekolah menengah daerah Papar sahaja. Ianya juga mengambil kira ciri-ciri demografi individu, serta melihat kaitan-kaitan yang wujud seperti dinyatakan pada objektif kajian ini. Kajian ini adalah tertumpu kepada guru sandaran terlatih yang belum disahkan dalam jawatan. Maklumat-maklumat yang didapati daripada kajian ini adalah terbatas kepada guru yang sedang berkhidmat di sekolah menengah di daerah Papar sahaja. Ianya untuk mengkaji perkara yang berkaitan dengan personaliti individu guru novis seperti masalah peribadi, perubahan tingkahlaku, perubahan sikap dan prestasi kerja.

Segala dapatan daripada kajian ini boleh menggambarkan hubungan antara personaliti dan sosialisasi guru novis dengan keempat-empat perubahan masalah yang dihadapi seperti dinyatakan di atas. Kajian ini tidak boleh ditadbirkan untuk semua guru di sekolah menengah di daerah lain atau negeri

lain, kecuali jika ianya mempunyai faktor-faktor yang serupa dengan tempat kajian ini dijalankan. Bagi penyelidik yang lain boleh menggunakan dapatan kajian ini sebagai bahan rujukan untuk melakukan kajian seterusnya.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini berhubungkait dengan beberapa masalah yang dihadapi oleh guru novis setelah mereka berada di sekolah. Kajian ini juga ingin menilai sejauh mana guru novis ini menjalani kehidupan kerjaya profesion guru dalam situasi dan persekitaran sekolah serta bilik darjah. Di samping kemampuan mereka untuk memberikan pengajaran yang berkesan kepada pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperoleh sepanjang mereka berada di maktab perguruan mahu pun di universiti.

Dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan dan panduan kepada pihak pentadbir bagi membantu guru-guru novis dengan pendedahan awal supaya segala kelemahan akan dapat diatasi dengan lebih sempurna. Adalah menjadi tanggungjawab pihak Pengetua sekolah untuk memaklumkan perkara seperti peraturan sekolah, tanggungjawab guru, tugas utama, termasuklah tugas sampingan yang perlu dijawat oleh guru novis itu kelak sebelum mereka memulakan tugas di sekolah.

Kebiasaannya guru novis akan diberikan tanggungjawab yang banyak pada awal perkhidmatan mereka. Menurut Sharifah Md. Nor (2000) dalam bukunya yang bertajuk *Keberkesanan Sekolah*, satu perspektif sosiologi, menyatakan adanya keperluan guru yang utama iaitu perkara yang lebih penting dan perlu ditekankan bukanlah '*back to basics*' tetapi bagaimanakah pihak